



KENYATAAN MEDIA

SEGERA

PELAKSANAAN KUTIPAN TOL SECARA ELEKTRONIK SEPENUHNYA



Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan ini ingin mengumumkan bahawa plaza tol seperti yang disenaraikan akan melaksanakan kutipan tol secara elektronik sepenuhnya **mulai jam 12.00 tengahari, 9 September 2015 (Rabu)**. Plaza tol-plaza tol yang terlibat adalah seperti berikut :

1. Plaza Tol Jitra, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS);
2. Plaza Tol Bukit Kayu Hitam, PLUS;
3. Plaza Tol Lunas, Lebuhraya Kulim-Butterworth (BKE);
4. Plaza Tol Kubang Semang, BKE;
5. Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang;
6. Plaza Tol Gombak, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK);
7. Plaza Tol Bentong, KLK;
8. Plaza Tol Datoq Keramat, Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH);
9. Plaza Tol Ayer Panas, Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE);
10. Plaza Tol Sentul Pasar, DUKE;
11. Plaza Tol Batu, DUKE; dan
12. Plaza Tol Lebuhraya SMART.

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran | Lembaga Lebuhraya Malaysia

☎ : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2691 / 2692 | 📠 : 03-87383555

🌐 Laman Web : www.llm.gov.my |  [Lembaga Lebuhraya Malaysia](https://www.facebook.com/lembagalebuhrayamalaysia) |  [@infotrafikllm](https://twitter.com/infotrafikllm)

✉ aduan@llm.gov.my

Dengan pelaksanaan kutipan tol secara elektronik ini, pengguna lebuhraya perlu menggunakan sama ada kad PLUSMiles, kad Touch n Go atau SmartTAG untuk melakukan transaksi bayaran tol di plaza tol-plaza tol berkenaan.

Untuk melancarkan operasi tol di kesemua plaza tol, pihak konsesi lebuhraya terbabit akan memastikan kemudahan Lorong Tambah Nilai dan penjualan kad Touch n Go di lorong beroperasi 24 jam serta kakitangan akan ditempatkan di lorong bagi membantu masalah yang dialami oleh pengguna.

Pengguna dinasihatkan supaya mematuhi peraturan perjalanan dan papan tanda arah yang disediakan semasa melalui kesemua plaza tol ini bagi perjalanan yang lancar ke destinasi yang dituju.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung pelaksanaan sistem ini boleh menghubungi *hotline* Pusat Trafik LLM 1-800-88-7752 atau mana-mana pusat khidmat pelanggan lebuhraya yang berkenaan.




Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Jun 2015

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran | Lembaga Lebuhraya Malaysia

 : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2691 / 2692 |  : 03-87383555

 Laman Web : www.llm.gov.my |  Lembaga Lebuhraya Malaysia |  @infotrafikllm |

 aduan@llm.gov.my